

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN RUMAH SELANGORKU DI KAWASAN DUN  
TANJONG SEPAT**

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan merancang untuk membangunkan projek rumah mampu milik Rumah Selangorku di kawasan DUN Tanjung Sepat?
- b) Sekiranya perancangan telah bermula, apakah maklumat berkenaan projek Rumah Selangorku dan anggaran bila projek tersebut akan siap?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri masih tiada perancangan di dalam menyediakan / membangunkan projek Rumah Mampu Milik / Rumah Selangorku di DUN Tanjung Sepat di atas tanah-tanah hak milik kerajaan. Manakala bagi tanah hakmilik swasta/ individu pula, sehingga kini masih belum terdapat pemilik tanah/ pemaju swasta yang mengemukakan sebarang permohonan bagi pembangunan perumahan sebagaimana syarat yang telah ditetapkan.

Namun begitu, terdapat sebanyak 22 projek Rumah Selangorku yang mengandungi 9,745 unit dalam perancangan di Daerah Sepang yang berhampiran DUN Tanjung Sepat. Senarai projek adalah seperti di Lampiran.

- b) Memandangkan tiadanya perancangan untuk membina Rumah Selangorku di DUN Tanjung Sepat, maka tiada maklumat berkenaan tempoh siap projek .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : PENGUBAHSUAIAN RUMAH TERES KEPADA ASRAMA**

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah sampingan (kacau ganggu, trafik dll) yang dibawa akibat pengubahsuaian rumah teres kepada asrama?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi mengatasi dan mengawal aktiviti pengubahsuaian rumah teres kepada asrama, beberapa langkah pengawalan dan penguatkuasaan dilakukan oleh PBT berdasarkan maklumat awam dan tindakan diambil di bawah :
- i. Seksyen 86(a), Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) juga boleh diambil juga boleh diambil sekiranya aktiviti atau keadaan sesuatu premis itu mewujudkan kacau ganggu, mendatangkan bencana atau bahaya kepada kesihatan awam; dan
  - ii. Seksyen 78 rumah yang diduduki dengan penuh sesak, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) – Seseorang yang membenarkan sesebuah rumah diduduki dengan sebeginu penuh sesak hingga mendatangkan bencana atau bahaya kepada kesihatan penduduk-penduduknya adalah bersalah atau suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM2,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan didenda tambahan tidak melebihi RM100.00 bagi setiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Tindakan penguatkuasaan akan diambil ke atas sebarang binaan yang tidak mengikut garispanduan kediaman dalam erti kata lain, pengubahsuaian rumah teres kepada asrama yang tidak bercirikan rumah kediaman sekiranya di dapati tidak mendapatkan kelulusan daripada pihak majlis terlebih dahulu. Ini termaktub dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dibawah seksyen 70(12) – Binaan tanpa kebenaran yang ada perubahan kegunaan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM25,000.00 dan juga denda tambahan tidak lebih daripada RM500.00 bagi tiap-tiap kesalahan selepas notis disampaikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN**  
**(N02 SABAK)**

**TAJUK : MASALAH PERTANIAN**

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah dibenarkan kepada pesawah menukar status tanah sawah kepada tanaman lain di kawasan sawah yang mengalami penurunan hasil pendapatan?

**JAWAPAN:**

- a) Syarat guna tanah di kawasan sawah adalah untuk tanaman padi seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Fizikal Negara dan Rancangan Kawasan Sensitif Alam Sekitar. Walau bagaimanapun, bagi kawasan yang berproduktiviti rendah, pesawah boleh diberi pilihan menanam tanaman kontan untuk beberapa musim. Perkara tidak menjadi dasar Negeri tetapi boleh dipertimbangkan mengikut keadaan semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS**  
**(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PENCEMARAN BAU DI SUMBER AIR MENTAH SUNGAI SEMENYIH**

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sebab-sebab berlaku pencemaran bau di tempat sumber air mentah di sungai Semenyih?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memulihkan pencemaran tersebut?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan pencemaran berulang-ulang kali berlaku?

**JAWAPAN:**

- a) Pada 28 September 2019 yang lalu, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menerima laporan dari pihak Pengurusan Air Selangor bahawa bau seakan pelarut di kesan pada jam 2.31 petang dengan bau 4 ton pada jarak 1.5 km dari muka sauk Loji Pembersihan Air (LPA) Sungai Semenyih. Siasatan segera dilakukan di kawasan sekitar Sungai Semenyih, Sungai Beranang, kawasan perumahan bandar Bukit Mahkota dan loji IWK Bukit Mahkota. Walau bagaimanapun, siasatan lanjut mendapati bau pelarut adalah berpunca dari sisa pelarut/*solvent* yang telah dibuang ke dalam saluran pembentung awam milik IWK oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang seterusnya masuk ke loji IWK dan aliran efluennya mengalir masuk ke Sungai Beranang dan seterusnya ke Sungai Semenyih.
- b) Setelah menerima laporan pencemaran tersebut, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah mengaktifkan Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air dan menggerakkan pasukan kecemasan dengan segera. Siasatan segera dilakukan di kawasan sekitar Sungai Semenyih, Sungai Beranang, kawasan perumahan bandar Bukit Mahkota dan loji IWK Bukit Mahkota. Ini termasuklah pensampelan yang dilakukan secara *in situ* di tapak. Selain itu, pihak LUAS juga telah menjalankan pemantauan statik dan pensampelan turut dilakukan di efluen loji IWK Bandar Bukit Mahkota.

Bagi mengurangkan bau pelarut tersebut, pihak LUAS melalui kontraktor pembersihan yang dilantik telah menjalankan pendosan *activated carbon*(AC) di bahagian *chamber* dan takat pelepasan akhir loji IWK. Sebanyak 81 beg AC telah digunakan bagi tujuan pendosan tersebut sehingga 1 Oktober 2019. Setelah bacaan di loji menunjukkan bacaan 0 ton, Loji Semenyih telah diaktifkan semula pada jam 4.30 pagi 29 September 2019. Pihak LUAS juga telah mengambil inisiatif menjalankan pemantauan statik dan pensampelan di Sungai Beranang dan Sungai Semenyih bagi memastikan sumber air bebas daripada sebarang pencemaran bau.

- c) **\*Juga menjawab pertanyaan mulut Bil.64(c), Bil.68(a), Bil.91(b), Bil.111(c), Bil.166(a), Bil.184(a), Bil.195(a), Bil.208(b), Bil.244(a), Bil.289(a) serta pertanyaan bertulis Bil.132(a)**

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan. Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan penjagaan sumber air.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah mewartakan semua 7 empangan di Negeri Selangor di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Selain itu, sejumlah 413 (40%) daripada jumlah keseluruhan 1026 batang sungai kini turut telah melalui proses pewartaan di bawah peruntukan yang sama. Tujuan pewartaan ini adalah untuk melindungi sungai dan rizab sungai daripada gangguan kepada kuantiti, kualiti dan persekitarannya.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui LUAS dan Pengurusan Air Selangor juga telah membangunkan beberapa stesen telemetri kualiti air di hulu dari muka sauk sebagai sistem amaran awal *early warning system* kepada muka sauk bekalan air jika berlakunya pencemaran di hulu.

Kerajaan Negeri melalui LUAS telah menujuhkan Jawatankuasa Pemuliharaan Sungai-sungai Negeri Selangor yang dipengerusikan YB. EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam bagi mempergiatkan usaha dan menggalakkan penglibatan agensi, komuniti, NGO dan pihak berkepentingan dalam aktiviti pemuliharaan sungai-sungai di Negeri Selangor.

Pemantauan berkala dilaksanakan oleh Lembaga bersama agensi berkaitan bagi memastikan sumber air dan kawasan tadahannya terpelihara daripada aspek kualiti dan kuantitinya.

Penguatkuasaan bersepada dan tindakan perundangan tegas turut sentiasa dilaksanakan antaranya siasatan, notis dan pengeluaran kompaun termasuk pendakwaan di mahkamah.

**Selain itu, satu surat telah dikeluarkan oleh Pejabat YB EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna kepada Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim bertarikh 1 Oktober 2019 yang memberikan cadangan bagi penambahbaikan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling yang berkaitan di bawah Akta Kualiti Alam Sekliling 1974.**

**Maklumat tambahan:**

Selain itu, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan bagi isu-isu pencemaran lain melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai, yang dipengerusikan oleh YB EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam;
- ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan
- iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh YB EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT**  
**(N14 RAWANG)**

**TAJUK : TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2020**

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan anggaran bilangan pelancong yang akan melawat ke Selangor pada tahun 2020.
  - Apakah rancangan kerajaan untuk menarik lebih ramai pelancong ke Selangor pada Tahun Melawat Malaysia 2020?

**JAWAPAN:**

- Adalah dimaklumkan bahawa anggaran Jumlah Kedatangan Pelancong ke Negeri Selangor bagi Tahun 2020 adalah **seramai 8 juta orang pelancong** dimana bersempena dengan kempen Tahun Melawat Malaysia 2020, Tourism Selangor mensasarkan peningkatan sebanyak 4% berbanding jumlah sasaran tahun 2019 ini.
- Pertanyaan ini akan dijawab bersekali dengan SOALAN MULUT No. 65 daripada Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (N14 Rawang), No. 132 daripada Y.B. Tuan Rizam Bin Ismail (N01 Sungai Air Tawar) dan No. 150 daripada Y.B. Tuan Adhif Syan Bin Abdullah (N 55 Dengkil). Seterusnya SOALAN BERTULIS No. 79 daripada Y.B. Puan Wong Siew Ki (N 27 Balakong) No. 178 daripada Y.B. Datuk Rosni binti Sohar (N 05 Hulu Bernam) berkaitan rancangan pelancongan negeri pada tahun 2020 bersempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri Selangor telah bersedia melalui perancangan strategik promosi pelancongan bagi menyokong kempen Melawat Malaysia 2020 seperti yang berikut:

- Meningkatkan Penyertaan Siri Promosi Pelancongan Dalam dan Luar Negara;
- Penganjuran Program FAM Trip Yang Lebih ‘Market-Focused’;
- Penganjuran Acara Pelancongan Bertaraf Antarabangsa di Negeri Selangor;

- d. Memperkasakan Kempen Promosi Pelancongan dan Pengiklanan Pelancongan Negeri; DAN
- e. Memberi Penekanan Kepada Segmen Pelancongan Fokus

#### **PERINCIAN STRATEGI:**

- a. Bagi meningkatkan penyertaan siri promosi pelancongan dalam dan luar negara, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor dan UPEN akan bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan menyertai beberapa siri promosi di luar negara seperti World Tourism Mart (WTM) London, ITB Berlin, Arabian Travel Market (ATM) Dubai, dan beberapa lagi yang akan dikenalpasti oleh pihak MOTAC.
- b. Penyertaan Kerajaan Negeri di peringkat ANTARABANGSA akan lebih memberi fokus kepada strategi B2B (Business to Business) & B2C (Business to Consumer) bertujuan untuk meningkatkan kedatangan pelawat dan pelancong ke negeri Selangor melalui pendedahan, penjualan paket pelancongan dan kerjasama yang akan dimeterai bersama operator pelancongan di luar negara.

Kerajaan Negeri juga akan memperkasakan “Sales Mission” mengikut pasaran fokus pelancongan Negeri Selangor seperti Jepun, India dan China. Program ini juga akan dipanjangkan kepada pasaran yang baharu seperti Eropah, Timur Tengah dan Australia. Bagi pasaran DOMESTIK pula, penyertaan di dalam program expo promosi seperti MATTA Fair, MITA Fair Program Promosi Jelajah Negeri dan Skuad Kembara Sekolah akan dipergiatkan lagi.

- c. Seterusnya, Kerajaan Negeri melalui UPEN dan Tourism Selangor akan bekerjasama dengan pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan penggiat industri pelancongan dan kebudayaan di dalam penganjuran FAM Trip bersama media dan operator agensi pelancongan untuk melawat, melihat dan merasai sendiri pengalaman produk pelancongan yang berpotensi di Negeri Selangor. Pendekatan kaedah FAM Trip yang lebih kreatif dan bersahaja dengan penyertaan Media Influencer serta Key Opinion Leader (KOL) diyakini akan memberi liputan, impak dan pulangan yang lebih besar kepada Kerajaan Negeri secara menyeluruh.

- d. Bagi perancangan tahun 2020, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor turut menyasarkan penganjuran acara pelancongan bertaraf antarabangsa seperti Selangor International Indigenous Art Festival 2020, Malaysia Women Marathon 2020, Selangor TwinCity Marathon 2020, Tourism Selangor Golf Championship 2020, Selangor Raja Muda International Regatta 2020, Golf Open 2020, Retromania Gathering dan Wings of KKB 2020 yang terbukti memberi impak kepada keseluruhan kedatangan pengunjung domestik dan luar negara. Kerajaan Negeri juga akan memberikan sokongan di dalam penganjuran acara Super GT Malaysia 2020 di SIC Sepang pada 17 & 18 Julai 2020 yang dijangka akan menarik ramai pelancong diperingkat antarabangsa dan rantau Asia Tenggara.
- e. Bagi memastikan impak dan tumpuan industri pelancongan negeri terus dipacu dengan padu dan sistematik, Kerajaan Negeri terus menerus komited dan akan melancarkan kempen Tahun Melawat Selangor 2021 di atas kesinambungan kempen Melawat Malaysia 2020.
- f. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri akan memperkasakan kempen pengiklanan di media cetak dan elektronik di peringkat domestik dan antarabangsa seperti:
  - i. Pengiklanan BILLBOARD 'UNIPOLE' di 5 lokasi strategik termasuk Langkawi, Penang, Melaka, Johor Bharu dan Perak;
  - ii. Pengiklanan DIGITAL OUT OF HOME di tujuh (7) lokasi strategik termasuk KLIA, KLIA2, Kota Kinabalu International Airport, Stesen Utama ETS dan BTS, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah serta di sepanjang Lebuh raya Persekutuan;
  - iii. Pengiklanan Digital menerusi platform KLIA TV di KLIA dan KLIA2;
  - iv. Pengiklanan di pesawat penerbangan termasuk AIRCRAFT BODY WRAP dan INTERNAL COMPARTMENT WRAP; serta
  - v. Promosi media sosial termasuk Facebook, Instagram, Google, serta WeChat dan Weibo dalam bahasa asing bagi segmen pasaran luar negara.

Perancangan aktiviti promosi ini akan diperincikan mengikut kesesuaian dan kemampuan kewangan semasa bagi memastikan kempen promosi pelancongan mempunyai nilai pulangan ROI (Return of Investment) yang tinggi dan berkesan.

- g. Melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri telah mengenal pasti beberapa segmen pelancongan yang berpotensi menarik lebih banyak pelancong berkunjung dan melawat ke Negeri Selangor. Antaranya adalah:-
- I. Pelancongan Sukan Golf
  - II. Pelancongan Perubatan dan Kesihatan (Medical & Wellness)
  - III. Pelancongan Cruise (Kapal Persiaran Mewah)
- h. Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri juga menyasarkan untuk memperkasakan serta menjenamakan Negeri Selangor sebagai pusat pelancongan golf utama negara dan memberi tumpuan dan sokongan kepada penganjuran kejohanan golf bertaraf antarabangsa.
- i. Kerajaan Negeri juga akan memberi fokus kepada aktiviti promosi pelancongan perubatan dan kesihatan dengan kerjasama MHTC (Malaysia Healthcare Tourism Council) dalam beberapa penganjuran program promosi tempatan mahupun antarabangsa seperti pameran expo pelancongan, FAM Trip dan Majlis Anugerah.
- j. Selari dengan agenda Klusterisasi Ekonomi Negeri Selangor, Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri akan memberikan fokus terhadap pelancongan pelayaran mewah (Cruise Tourism) yang telah dikenal pasti di bawah Kluster Pelabuhan dan Maritim. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri bercadang untuk membina Pusat Informasi Pelancongan (TIC) di BCC, Klang pada tahun 2020 yang dijangka akan memberi liputan, pendedahan dan nilai tambah kepada industri pelancongan negeri untuk jangka masa panjang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN WONG SIEW KI**  
**(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : RANCANGAN INFRASTRUKTUR KAMPUNG TRADISI**

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan kerajaan demi menyelesaikan masalah infrastruktur yang tidak teratur di kampung tradisi?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, kesemua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di dalam Negeri Selangor mempunyai Rancangan Tempatan bagi kawasan pentadbiran dan operasi masing-masing.

Rancangan Tempatan (RT) adalah merupakan satu dokumen rasmi yang menerangkan perancangan guna tanah bagi setiap kawasan di dalam Negeri Selangor. Rancangan Tempatan (RT) yang disediakan bukan hanya menyentuh aspek-aspek perancangan di kawasan bandar, tetapi juga menyentuh secara terperinci tentang perkara yang berkaitan perancangan infrastruktur di kawasan-kawasan kampung termasuk kampung tradisi.

Isu dan masalah yang berkaitan infrastruktur yang tidak teratur adalah merupakan perkara utama yang sering disentuh di dalam penyediaan Rancangan Tempatan (RT). Setiap Rancangan Tempatan yang disediakan oleh PBT akan mengenalpasti kawasan-kawasan yang terlibat dengan masalah tersebut bersama penyelesaian dan cadangan-cadangan projek yang akan dilaksanakan bagi memastikan permasalahan dan isu yang timbul dapat diselesaikan.

Sebagai makluman tambahan, cadangan untuk menaiktaraf kemudahan infrastruktur dan utiliti di kawasan kampung juga telah digariskan dalam Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri 2035 dibawah tema SMART Desa Makmur. Walau bagaimanapun, peruntukan untuk melaksanakan cadangan-cadangan projek berkenaan adalah tertakluk dibawah peruntukan Jabatan-jabatan dan PBT-PBT yang berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : PASAR AWAM DUN SENTOSA**

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk membina pasar awam di DUN Sentosa

**JAWAPAN:**

- a) Majlis Perbandaran Klang akan mengenalpasti tapak pasar awam di Taman Sentosa Klang yang sesuai memandangkan tiada tanah kerajaan atau rezab awam yang boleh di cadangkan. Pembangunan tapak pasar melibatkan tanah milik persendirian melalui kaedah pengambilan tanah yang akan dicadangkan diperingkat pengurusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH**  
**(N28 SERI KEMBANGAN)**

**TAJUK : PENGURUSAN KRISIS AIR**

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan sebahagian besar insiden krisis air berlaku disebabkan oleh pencemaran sungai seperti pembuangan minyak terbiar, bahan kimia dan air pembuangan loji rawatan kumbahan yang tidak menepati piawaian. Apakah langkah yang akan diambil ?

**JAWAPAN:**

- a) Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan. Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan penjagaan sumber air.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah mewartakan semua 7 empangan di Negeri Selangor di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Selain itu, sejumlah 413 (40%) daripada jumlah keseluruhan 1026 batang sungai kini turut telah melalui proses pewartaan di bawah peruntukan yang sama. Tujuan pewartaan ini adalah untuk melindungi sungai dan rizab sungai daripada gangguan kepada kuantiti, kualiti dan persekitarannya.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui LUAS dan Pengurusan Air Selangor juga telah membangunkan beberapa stesen telemetri kualiti air di hulu dari muka sauk sebagai sistem amaran awal /*early warning system* kepada muka sauk bekalan air jika berlakunya pencemaran di hulu.

Kerajaan Negeri melalui LUAS telah menujuhkan Jawatankuasa Pemuliharaan Sungai-sungai Negeri Selangor yang dipengerusikan YB. EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam bagi mempergiatkan usaha dan menggalakkan penglibatan agensi, komuniti, NGO dan pihak berkepentingan dalam aktiviti pemuliharaan sungai-sungai di Negeri Selangor.

Pemantauan berkala dilaksanakan oleh Lembaga bersama agensi berkaitan bagi memastikan sumber air dan kawasan tadahannya terpelihara daripada aspek kualiti dan kuantitinya.

Penguatkuasaan bersepada dan tindakan perundangan tegas turut sentiasa dilaksanakan antaranya siasatan, notis dan pengeluaran kompaun termasuk pendakwaan di mahkamah.

### **Maklumat tambahan**

Selain itu, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan bagi isu-isu pencemaran lain melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:

- iv. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai, yang dipengerusikan oleh YB EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam;
- v. Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan
- vi. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

### **JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR**

Pihak JAS dan agensi lain seperti LUAS dan SPAN akan meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap premis-premis yang berpotensi melepaskan air buangan tanpa rawatan dan mencemarkan sungai serta tindakan perundungan sekiranya premis yang terlibat melakukan pencemaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR  
(N26 SUNGAI RAMAL)**

**TAJUK : KAWASAN STESEN KTM UKM BANGI**

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kawasan di sekitar Stesen Komuter UKM Bangi sering dilanda banjir dan mengalami kesesakan trafik dan pengguna yang padat. Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini?
  
- b) Bilakah perancangan ini, sekiranya ada akan dilaksanakan?

**JAWAPAN:**

- a ) Pihak MPKj mempunyai cadangan menaiktaraf jalan di kawasan Esset termasuk menaiktaraf kawasan sekitar Stesen Komuter UKM Bangi bagi penguraian aliran trafik. Bagi masalah banjir, pihak pemaju B&G Sdn. Bhd. telah menaiktaraf sistem perparitan di Sg. Tangkas sehingga sempadan UKM. Pihak Majlis mendapati isu banjir kilat yang melanda adalah disebabkan terdapat struktur-struktur bangunan yang telah menutup longkang.
  
- b ) Cadangan projek menaiktaraf hanya akan dilaksanakan setelah peruntukan mencukupi. Pelaksanaan projek akan menggunakan Sumbangan Pemaju di bawah Tabung Akaun Amanah Infrastruktur.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : GOLONGAN B40**

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan jumlah keluarga dalam golongan sasar B40 yang telah berdaftar dengan E-KASIH.
  - Senaraikan program IPR yang boleh dimohon untuk golongan B40 dan M40 selepas pensejajaran semula oleh Kerajaan Negeri.

**JAWAPAN:**

- Jumlah pendaftaran ke dalam sistem eKasih bagi golongan sasar B40 iaitu yang berpendapatan isi rumah RM3,860 dan ke bawah adalah seramai 38,361 Ketua Isi Rumah (KIR) setakat 15 Oktober 2019.
- Untuk makluman Yang Berhormat Semenyih, Program IPR merupakan program jangka panjang yang bersifat holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan semata-mata, tetapi memberi daya melalui pemerkasaan kepada penerima manfaat yang terdiri daripada pelbagai golongan termasuklah B40 dan M40.

Berikut adalah program-program IPR yang disasarkan kepada golongan B40 dan M40 bagi membantu menaikkan taraf pendapatan dan kehidupan mereka:

<b>BIL.</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>KELAYAKAN PEMOHON (B40 / M40)</b>
1	Kasih Ibu Smart Selangor (KISS)	B40
2	Skim Air Darul Ehsan	B40

<b>BIL.</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>KELAYAKAN PEMOHON (B40 / M40)</b>
3	Bantuan Kebajikan Masyarakat (Bantuan Am)	B40
4	Bantuan Bina dan Baiki Rumah	B40
5	Program Jom <i>Shopping</i>	B40
6	Skim Peduli Sihat	B40
7	Bantuan Sihat Selangor	B40
8	Skim Bantuan Asuhan Anakku Pintar (Asuh Pintar)	B40 / M40
9	Program Tuisyen Rakyat Selangor	B40
10	Hadiah Pengajian IPT	B40 / M40
11	Dana Usahawan Mikro Selangor	B40
12	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	B40
13	Skim Rumah Selangorku	M40 / Umum (kelayakan tidak melebihi RM10,000/isi rumah)
14	Skim Smart Sewa	B40 / Umum (kelayakan tidak melebihi RM5,000/isi rumah)

Selain daripada program IPR, terdapat pelbagai program sedia ada di bawah Kerajaan Negeri Selangor yang dapat membantu menjana pendapatan rakyat sama ada dalam **sektor usahawan, pertanian dan juga pendidikan** yang boleh dimohon oleh golongan B40 dan M40. Program-program penjanaan pendapatan rakyat ini ditawarkan kepada mereka yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

Kerajaan negeri akan terus melakukan penambahbaikan terhadap program sedia ada dan merangka program-program baharu yang bersesuaian dan menepati keperluan semua lapisan masyarakat di Selangor, sesuai dengan gagasan Maju Bersama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI**  
**(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : BUDAYA HIDUP SIHAT**

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha serta inisiatif Kerajaan Negeri untuk menggalakkan rakyat mengamalkan budaya hidup sihat?
- b) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk menangani masalah kegemukan dan obesiti yang semakin tinggi di kalangan penjawat awam negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri senantiasa menitikberatkan aspek kesihatan dalam pentadbiran negeri dan ini terbukti dengan perancangan pelbagai program yang menjurus ke arah tersebut. Di antara program terbesar bagi menggalakkan rakyat mengamalkan gaya hidup sihat adalah program Karnival 3W (*Wellness, Welfare & Women*). Melalui program ini, rakyat akan didedahkan dengan pelbagai tema kesihatan yang akan ditonjolkan semasa karnival dijalankan. Tema kesihatan yang dipilih akan diterjemahkan di dalam aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan sepanjang Karnival 3W itu berlangsung. Di antara tema kesihatan yang telah dianjurkan semasa Karnival 3W adalah Hari Kanser, Hari Buah Pinggang, Hari Kesihatan Sedunia, Hari Tanpa Tembakau, Hari Denggi, Hari Pemakanan Sihat, Hari Jantung dan sebagainya. Pemilihan tema kesihatan ini secara tidak langsung akan mendidik masyarakat supaya lebih peka terhadap penjagaan kesihatan dan memperolehi info lebih spesifik terhadap isu kesihatan yang diketengahkan.

Melalui Karnival 3W ini juga turut diadakan aktiviti 10,000 langkah yang akan diadakan pada awal pagi. Penyertaan aktiviti 10,000 langkah ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung-pengunjung yang hadir. Program pengurusan berat badan iaitu Slim Selangor 3W turut dilaksanakan dan ia terbuka kepada orang awam untuk menyertainya. Selain daripada aktiviti fizikal, turut diadakan forum-forum kesihatan, pameran kesihatan, pemeriksaan kesihatan percuma dan sebagainya. Penganjuran Karnival 3W ini boleh disimpulkan sebagai karnival kesihatan menyeluruh kerana pengunjung boleh mendapatkan pelbagai info dan aktiviti kesihatan percuma.

Selain daripada itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) turut berganding bahu dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti berunsurkan kesihatan di dalam kawasan pentadbiran masing-masing. Sebagai contoh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menganjurkan Hari Tanpa Kenderaan pada setiap bulan untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan menggalakkan rakyat untuk memelihara alam sekitar. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang lain juga turut tidak terkecuali dalam menganjurkan aktiviti-aktiviti kesihatan seperti acara larian, kayuhan basikal dan sebagainya. Penganjuran Bulan Sukan Negara di peringkat daerah juga turut diadakan bagi mempromosikan gaya hidup sihat dan mengajak rakyat untuk lebih kerap bersukan pada bulan penganjuran tersebut.

Kerajaan Negeri akan terus merangka program-program dan inisiatif-inisiatif terbaru berdasarkan bajet yang dibentangkan bagi memastikan rakyat beroleh manfaat dalam memacu gelombang kesedaran penjagaan kesihatan yang sempurna.

- b) Melalui program Slim Selangor yang telah diperkenalkan pada awal tahun 2019, beberapa aktiviti telah direncanakan untuk menggalakkan penjawat awam mengamalkan gaya hidup sihat dalam mengurangkan masalah kegemukan dan obesiti yang menjadi punca kepada pelbagai jenis penyakit. Program-program kesihatan yang melibatkan penjawat awam ini adalah lebih bersifat kepada program pencegahan untuk mengurangkan kadar penyakit tidak berjangkit seperti obesiti.

Aktiviti utama di bawah program Slim Selangor adalah Slim Selangor Intensif di mana aktiviti ini terbuka kepada kakitangan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) yang mempunyai berat badan berlebihan dan melebihi kadar *Body Mass Index* (BMI) yang sepatutnya. Peserta yang terpilih akan menjalani 12 kali sesi latihan intensif bersama jurulatih profesional yang dilantik selama 3 bulan. Peserta yang berjaya mencatatkan penurunan berat badan tertinggi akan diberi penghargaan pada akhir program kelak.

Selain daripada aktiviti Slim Selangor Intensif, di bawah kerangka program Slim Selangor turut diperkenalkan aktiviti Senam Sihat Selangor di mana program ini terbuka untuk semua penjawat awam negeri Selangor bagi mengikuti satu aktiviti senaman yang akan turut dipimpin oleh jurulatih profesional. Aktiviti senaman ini akan diadakan di lobi SUK selama satu jam pada setiap hari selasa setiap minggu. Penganjuran senam sihat ini secara tidak langsung akan menggalakkan semua

kakitangan dan penjawat awam untuk mengamalkan dan membudayakan aktiviti fizikal bagi mengekalkan berat badan ideal.

Selain daripada itu, dalam usaha untuk menggalakkan pengambilan makanan berkhasiat, aktiviti Slim Selangor – Pemakanan Sihat turut diadakan bagi memastikan penjawat awam mengamalkan pemakanan yang sihat dan seimbang dalam kehidupan harian. Aktiviti ini lebih menjurus ke arah kempen kesedaran pengambilan makanan berkhasiat. Selain daripada itu, semua jabatan turut digalakkan merujuk kepada Panduan Penyajian Hidangan Sihat Semasa Mesyuarat Edisi Ke-2 yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bagi tujuan sajian makanan semasa mesyuarat dan majlis rasmi.

Keseluruhan aktiviti di bawah kerangka Program Slim Selangor akan diteruskan dan ditambah baik bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan dalam usaha untuk menggalakkan penjawat awam mengamalkan gaya hidup dan pemakanan sihat dan seterusnya mengatasi masalah kegemukan dan obesiti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : PELANCONGAN HULU LANGAT**

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pelancong yang datang ke Sungai Congkak mengikut tahun dari 2015 hingga 2019?

**JAWAPAN:**

- a) Tourism Selangor telah diberi mandat oleh Kerajaan Negeri untuk menguruskan Congkak Park & Resort. Jumlah pelancong yang direkodkan adalah tertumpu kepada pelancong yang datang ke Congkak Park & Resort sahaja dan bukan di kawasan Sungai Congkak secara keseluruhan. Jumlah statistik kedatangan pelancong atau pelawat adalah berdasarkan pengumpulan maklumat melalui penjualan jumlah tiket masuk ke Congkak Park & Resort di bawah seliaan Tourism Selangor, mengikut tahun dari 2015 hingga 2019 adalah seperti berikut:-
- i)      Tahun 2015 : **147,100 orang**
  - ii)     Tahun 2016 : **137,137 orang**
  - iii)    Tahun 2017 : **72,584 orang**
  - iv)    Tahun 2018 : **105,377 orang**
  - v)    Tahun 2019 : **77,023 orang (Sehingga Bulan September 2019)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN**  
**(N02 SABAK)**

**TAJUK : MASALAH PELUANG PEKERJAAN**

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagi mengimbangi populasi penduduk di Sabak Bernam yang lebih didominasi oleh warga emas. Apakah rancangan kerajaan menambah peluang pekerjaan yang banyak kepada anak muda di Sabak Bernam supaya mereka tidak berhijrah ke kawasan bandar?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin untuk menambah baik keadaan ekonomi anak muda. Ini termasuklah dalam menambah peluang pekerjaan bagi anak muda luar bandar.

Ini mengambil kira populasi belia yang merangkumi separuh daripada rakyat negeri Selangor berjumlah 6 juta.

Umur	2018	2019
15-30	1,601,700 orang	1,558,400 orang
15-40	3,118,700 orang	2,953,900 orang

*Sumber: Cawangan Pengurusan Data, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (IYRES)*

Untuk rekod, kadar pengangguran di Selangor yang dicatatkan adalah seperti berikut:-

- i. 2016 (3.2%)
- ii. 2017 (2.8%)
- iii. 2018 (2.8%)

*Sumber: Jabatan Statistik Malaysia*

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri meletakkan sasaran bagi tahun 2019 adalah kadar pengangguran di Selangor menurun kepada 2.5%.

Walhasil, Kerajaan Negeri mengalu-alukan jika program-program seperti *jobfair/kursus* dan latihan kemahiran dapat dianjurkan dalam skala kecil di lokaliti terpilih demi membantu belia-belia di kawasan luar bandar.

Antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah dengan meningkatkan pelbagai program pembangunan ekonomi belia sebagaimana berikut:-

#### i. **Program Karnival Kerjaya - Selangor Job Fair**

Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan telah menganjurkan program Karnival Kerjaya (*Job Fair*) secara berkala (2 kali setahun). Program ini dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Jobs Malaysia bermula pada tahun 2014.

Program Selangor Mega *Job Fair* pada awal tahun 2019 adalah program berskala mega yang julung kali dianjurkan. Ia melibatkan sebanyak 180 syarikat swasta terpilih yang mengadakan temuduga terbuka (*walk in interview*). Sebanyak 180 majikan dan 20 Agensi /Jabatan Kerajaan terlibat. Daripada jumlah itu, lebih 12,000 peluang telah ditawarkan termasuklah 20 majikan yang turut menawarkan peluang pekerjaan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) pada hari tersebut.

Hampir 20,000 pengunjung mendapat manfaat melalui program ini. Jumlah permohonan yang berjaya mendapatkan tawaran pekerjaan pada hari tersebut ialah seramai 237 orang dan seramai 3,482 orang pemohon telah berjaya menghadiri temuduga ke 2. Program yang dilaksanakan ini telah berjaya melibatkan pemohon berdaftar seramai 25,199 orang yang mana seramai 15,623 orang telah berjaya untuk ditemuduga. Daripada jumlah calon yang telah ditemuduga tersebut, seramai 4,790 orang telah berjaya mendapat pekerjaan.

Program ini juga merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurangkan kadar pengangguran. Ia turut membantu syarikat-syarikat yang memerlukan tenaga kerja dengan mengutamakan penglibatan warga tempatan berbanding warga asing.

## **ii. Kursus/Latihan di bawah Jawatankuasa Tetap Modal Insan**

Program latihan ini turut menekankan konsep *hands holding* di mana setiap langkah dalam dunia usahawan akan diberikan panduan teliti. Untuk rekod, program ini telah berjaya melahirkan beberapa usahawan muda berjaya.

## **iii. Pendidikan Kemahiran dan Vokasional**

Menyediakan pendidikan kemahiran dan vokasional di Kolej INPENS dengan yuran yang berpatutan untuk belia yang kurang berkemampuan namun ingin meneruskan pembelajaran walaupun tidak mempunyai latar belakang pendidikan yang cemerlang. Inisiatif Kerajaan Negeri Selangor ini telah menyediakan peluang pendidikan kemahiran dan vokasional yang dibiayai berdasarkan kelayakan pemohon.

## **iv. Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS)**

Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) iaitu sebuah program latihan keusahawanan melalui kursus dalam bidang - bidang seperti berikut:

- Kursus Keusahawanan Penternakan (Ruminan & Unggas)
- Kursus Pemantapan Pemantauan Keusahawanan
- Kursus Percetakan Segera Pentaulahan Sijil SKM Tahap 3: Peserta Urutan Selepas Bersalin
- Kursus Keusahawanan Penternakan
- (Makanan ternakan dan Rancangan Perniagaan)
- Kursus *Soft Skills* Usahawan Penternakan & Pengurusan Kewangan (*Online*)
- Kursus Keusahawanan Penternakan (Sembelihan Halal & Penyediaan Makanan (BBQ))
- *Mobile Service Aircond*
- Cuci Kasut
- *Mobile Barber*

- Ayam Gunting
- Terapi Bekam
- Bakeri
- *Mobile Spa*
- Dekorasi Pelamin
- Kiosk Sate

Program ini yang diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori peserta iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal. Daripada tahun 2011 hingga 2018, terdapat 3,248 orang peserta telah terpilih untuk menyertai Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS). Daripada jumlah tersebut, seramai 2,436 orang peserta (75%) telah berjaya menjana pendapatan melalui program tersebut. Purata pendapatan bulanan mencatatkan jumlah tertinggi untuk julat pendapatan antara RM500 - RM2,000 sebulan melalui 1,712 orang peserta (52.71%).

#### v. **Lain-lain Program di bawah agensi**

##### a) **Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)**

- **Program Perintis Usahawan (PPU)**

Program Perintis Usahawan ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2007 dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (duku dikenali sebagai Jabatan Pelajaran Negeri Selangor). Objektif program ini adalah untuk memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah. Enam (6) buah sekolah rendah telah terlibat sejak dimulakan pada tahun 2007.

- **Program Tunas Niaga (PROTUNe)**

Dalam membudayakan usahawan muda yang berjaya dan berpengetahuan, Program Tunas Niaga (PROTUNe) telah diperkenalkan di Negeri Selangor pada tahun 1998 oleh Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (MECD).

- **Program Usahawan Siswazah (GROW)**

Program Usahawan telah dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor sejak tahun 2003 dengan memberi fokus kepada latihan dan pembudayaan yang mensasarkan mahasiswa di lapan (8) institusi-institusi pengajian tinggi seperti berikut:

- i. Universiti Teknologi Mara (UiTM);
- ii. Universiti Putra Malaysia (UPM);
- iii. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
- iv. Universiti Industri Selangor (UNiSEL);
- v. INSPENS International College;
- vi. Kolej Universiti Selangor (KUIS);
- vii. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); dan
- viii. City University (City U)

**b) Program di bawah Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani**

Kerajaan Negari telah melaksanakan pelbagai Program untuk Generasi Muda yang berminat menceburi sektor pertanian sebagaimana berikut :-

- a) Program Agro Muda Selangor (AMSEL);
- b) Program Bantuan Peralatan Pertanian;
- c) Kursus dan Seminar kepada Generasi Muda; dan
- d) Pembukaan Tanah Pertanian

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : SKIM AIR DARUL EHSAN**

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah mekanisma yang akan digunakan dalam pelaksanaan pemberian air percuma kepada kumpulan sasar?
- b) Berapa ramai anggaran rakyat yang akan mendapat manfaat dari skim ini berbanding sekarang?
- c) Adakah akan berlaku kenaikan tarif air selepas skim ini dilaksanakan?

**JAWAPAN:**

- a) Saya pohon izin Y.B. Tuan Speaker untuk menjawab bersekali kesemua soalan berkenaan Skim Air Darul Ehsan yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar (Soalan No. 2), Yang Berhormat Sungai Panjang (Soalan No. 74), Yang Berhormat Semenyih (Soalan No. 197), Yang Berhormat Pandamaran (Soalan No. 230) dan Yang Berhormat Batang Kali (Soalan No. 284).
1. Yang Berhormat Sungai Air Tawar dan Yang Berhormat Pandamaran bertanyakan berapa anggaran perolehan hasil pendapatan Kerajaan Negeri Selangor dengan pemansuhan skim air percuma dan Yang Berhormat Sungai Panjang bertanyakan anggaran rakyat yang akan mendapat manfaat dari skim ini. Apabila Skim Air Darul Ehsan dilaksanakan, penduduk Negeri Selangor yang mendapat manfaat akan berkurang dari 1.6 juta akaun pengguna kepada 700,000 akaun.
2. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM1,812,421,674.67 bagi menampung pembiayaan Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu semenjak Jun 2008 hingga Ogos 2019. Jumlah pembiayaan Kerajaan Negeri di bawah Skim Air Darul Ehsan ini dianggarkan akan berkurangan dari RM180 juta setahun kepada RM96 juta setahun. Kerajaan Negeri berhasrat untuk menyalurkan penjimatan tersebut kepada program-program kebajikan rakyat yang lain.

3. Yang Berhormat Sungai Panjang dan Yang Berhormat Semenyih pula bertanyakan mengenai mekanisma yang akan digunakan dalam pelaksanaan pemberian air percuma kepada kumpulan sasar. Dalam usaha untuk memastikan tiada golongan sasar yang tertinggal dalam menikmati Skim Air Darul Ehsan ini, Kerajaan Negeri menggesa supaya semua pemohon yang layak dan memenuhi syarat untuk membuat permohonan melalui pendaftaran sama ada secara atas talian melalui laman web Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) iaitu [www.ssipr.selangor.gov.my](http://www.ssipr.selangor.gov.my) atau secara manual mengisi Borang Permohonan Program IPR Skim Air Darul Ehsan. Pendaftaran Skim Air Darul Ehsan ini bermula pada 30 September 2019 sehingga 31 Disember 2019. Proses pendaftaran ini adalah untuk mengumpul dan mengemaskini semua data pemohon Skim Air Darul Ehsan dan bagi proses pengesahan pemohon yang layak melalui semakan silang dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Proses semakan silang hanya akan bermula selepas tarikh tutup permohonan, dan pemohon akan dimaklumkan berkenaan status permohonan mereka selewat-lewatnya pada pertengahan bulan Februari 2020, iaitu sebelum pelaksanaan Skim Air Darul Ehsan yang akan bermula pada 01 Mac 2020. Kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk meneliti dan memperhalusi mekanisme yang digunakan di dalam melaksanakan penjajaran semula ini bagi memastikan golongan sasar khususnya golongan berpendapatan rendah tidak terjejas.
4. Yang Berhormat Sungai Panjang dan Yang Berhormat Batang Kali amat mengambil berat berkenaan golongan M40 dan mencadangkan supaya Skim Air Darul Ehsan ini diperluaskan kepada golongan M40. Golongan M40 di negeri Selangor adalah terdiri dari golongan rakyat yang menerima pendapatan bulanan dalam lingkungan RM6,180.00 hingga RM12,469.00. Kerajaan Negeri berpandangan golongan M40 ini berkemampuan untuk membayai bayaran RM11.40 untuk penggunaan air sebanyak 20 meter padu sebulan. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan program kebijakan untuk kepentingan golongan M40 ini antaranya seperti perkhidmatan bas percuma, hadiah anak masuk IPT dan lain-lain.
5. Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum dapat mempertimbangkan saranan Yang Berhormat Batang Kali untuk meningkatkan kadar air percuma kepada 30 meter padu kerana penggunaan 20 meter padu adalah mencukupi untuk menampung kegunaan domestik bagi satu keluarga purata seramai lima (5) orang. Tambahan pula, mengikut statistik yang dilaporkan oleh Suruhanjaya Air Negara (SPAN), penggunaan air individu di Selangor, Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah sebanyak 222 liter sehari, iaitu 30% lebih tinggi dari kadar air yang disyorkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi setiap individu sebanyak 164 liter sehari. Justeru itu, peningkatan pemberian air percuma kepada 30 meter padu boleh menyumbang kepada penggunaan air yang tidak berhemah sedangkan sumber bekalan air adalah semakin berkurangan.

6. Akhirnya, Yang Berhormat Sungai Panjang juga bertanya adakah akan berlaku kenaikan tarif air selepas Skim Air Darul Ehsan ini. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menekankan bahawa sebarang pelarasan tarif adalah berpatutan dan tidak akan membebankan rakyat dan memberi jaminan tiada peningkatan bagi pengguna domestik yang menggunakan 20 meter padu sebulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : BANTUAN PENDIDIKAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR**

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah terdapat bantuan atau dana pendidikan kepada mahasiswa diluar negara?  
Jika ada huraikan.
  - Berapakah jumlah bantuan pendidikan mengikut pecahan kategori yang telah diberikan kepada mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Asia Barat dan Timur Tengah?

**JAWAPAN:**

- Lembaga Zakat Selangor (LZS) ada menyalurkan bantuan pendidikan kepada mahasiswa di luar negara dalam kalangan asnaf fakir, miskin, mualaf dan fisabilillah. Bantuan yang diberikan adalah seperti berikut:
  - Bantuan Dermasiswa Luar Negara (Timur Tengah)**
    - Berbentuk dermasiswa yang diberikan kepada pelajar paling cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan melepassi kelayakan temuduga serta ujian bahasa yang dijalankan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).
    - Pemilihan pelajar melalui JAIS.
    - Keutamaan kepada keluarga berpendapatan pertengahan (lebihan had kifayah tidak melebihi RM7,000.00).
    - Kuota pelajar yang disediakan adalah 50 orang untuk tiga buah negara iaitu Mesir, Jordan dan Morocco.
    - Nilai peruntukan setiap tahun RM4 juta.
  - Bantuan Dermasiswa Luar Negara (selain Timur Tengah)**
    - Berbentuk dermasiswa yang diberikan kepada pelajar cemerlang dan mendapat tawaran melanjutkan pengajian ke luar negara (Ijazah pertama).
    - Pemilihan pelajar melalui LZS.

- c) Keutamaan kepada keluarga berpendapatan pertengahan (lebihan had kifayah tidak melebihi RM7,000.00).

**3. Bantuan Umum Pelajaran (Pelajar Luar Negara)**

- a) Sumbangan ‘one off’ setahun sekali sahaja.
- b) Keutamaan kepada keluarga berpendapatan pertengahan (lebihan had kifayah tidak melebihi RM7,000.00).

**4. Bantuan Sumbangan Keperluan Pembangunan Pendidikan Luar Negara**

- a) Sumbangan diberikan kepada institusi, individu, agensi Islam luar negara yang bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), JAIS dan LZS.
- b) Keutamaan kepada program luar negara (negara Islam).
- c) Kadar sumbangan berdasarkan kepada kelulusan LZS dan bajet yang diperuntukkan.
- d) Program pembangunan meliputi:
  - i. Pengajuran program/kursus dan latihan kemahiran bagi pembangunan pendidikan
  - ii. Bayaran tenaga pengajar dan perunding
  - iii. Bayaran yuran dan penginapan
  - iv. Kos pengangkutan
  - v. Saguhati peserta
  - vi. Bahan rujukan, bahan cetak dan peralatan
- b) Jumlah keseluruhan pelajar tajaan LZS yang aktif pengajian adalah seramai **293 orang** pelajar. Daripada jumlah tersebut, pelajar paling ramai mendapat tajaan LZS adalah di Mesir iaitu seramai **173 orang** pelajar. Jumlah keseluruhan dermasiswa yang diperuntukkan kepada pelajar adalah sebanyak **RM29,667,675.00**. Ini merupakan komitmen dermasiswa LZS sehingga pelajar tamat pengajian mereka. Berikut merupakan perincian pelajar yang mendapat tajaan LZS:

NEGARA	SESI MASUK	FISABILILLAH				FAKIR		MISKIN				JUMLAH PELAJAR	JUMLAH DERMASISWA (RM)
		PERUBATAN	P. ISLAM	PERGIGIAN	FARMASI	P. ISLAM	LAIN-LAIN	PERUBATAN	P. ISLAM	PERGIGIAN	LAIN-LAIN		
Mesir	2012/2013	20	-	-	-	-	-	1	-	-	-	173	RM15,816,000.00
	2014/2015	7	-	-	-	-	-	-	-	-	-		
	2015/2016	4	35	3	3	-	-	-	4	1	-		
	2016/2017	-	35	-	-	1	-	-	3	-	-		
	2017/2018	-	-	-	-	3	-	-	5	-	-		
	2018/2019	-	15	-	-	1	-	-	3	-	-		
	2019/2020	-	26	-	-	-	-	-	3	-	-		
Jordan	2015/2016	-	38	-	-	-	-	-	-	-	-	99	RM8,801,100.00
	2016/2017	-	22	-	-	1	-	-	1	-	-		
	2018/2019	-	15	-	-	2	-	-	1	-	-		
	2019/2020	-	19	-	-	-	-	-	-	-	-		
Morocco	2016/2017	-	3	-	-	-	-	-	-	-	-	3	RM125,775.00
Indonesia (Evakuasi Mesir)	2014/2015	18	-	-	-	-	-	-	-	-	-	18	RM4,924,800.00
JUMLAH PELAJAR/ JUMLAH DERMASISWA (RM)		49	208	3	3	8	0	1	20	1	0	293	RM29,667,675.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN RUMAH SELANGORKU**

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah projek siap, belum siap dan dalam perancangan bagi projek Rumah Selangorku yang terkini?
- Nyatakan jumlah permohonan keseluruhan bagi Rumah Selangorku dan jumlah penerima yang sudah menduduki Rumah Selangorku sehingga September 2019?

**JAWAPAN:**

- Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Rumah Selangorku hanya mula diperkenalkan pada tahun 2014. Secara keseluruhan sebanyak 277 projek (**121,695 unit**) Rumah Selangorku telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerjaan Negeri (MMKN). Sehingga 15 Oktober 2019, sebanyak 38 projek (**14,781 unit**) Rumah Selangorku telah siap dibina dan telah diserahkan kunci. Manakala sebanyak 61 projek (**22,274 unit**) Rumah Selangorku sedang dalam pembinaan dan baki sebanyak 178 projek (**84,640 unit**) Rumah Selangorku masih dalam perancangan.

Perincian mengikut jenis adalah seperti berikut:-

STATUS	BIL PROJEK	JENIS RUMAH SELANGORKU					JUMLAH UNIT
		A	B	C	D	E	
Siap Bina	38	2,015	2,201	6,684	3,881	-	14,781
Dalam Pembinaan	61	881	3,264	8,309	9,820	-	22,274
Dalam Perancangan	178	10,194	18,243	30,199	23,424	2,796	84,640
<b>JUMLAH</b>	<b>277</b>	<b>13,090</b>	<b>23,708</b>	<b>45,192</b>	<b>37,125</b>	<b>2,796</b>	<b>121,695</b>

- b) Jumlah permohonan keseluruhan bagi Rumah Selangorku sehingga September 2019 adalah seramai **192,564 pemohon** namun jumlah pemohon yang masih aktif dalam Sistem Pendaftaran Rumah Selangorku (SPPR) bagi pemohon yang belum berjaya ditawarkan atau status senarai menunggu adalah **56,782 pemohon**. Manakala jumlah penerima yang sudah menduduki Rumah Selangorku sehingga September 2019 adalah seramai **14,781 pemohon**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR**  
**(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : MASALAH KEMUDAHAN ASAS DI PANGSAPURI KOS RENDAH**

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk membantu menambah baik kemudahan infrastruktur asas supaya lebih selesa terutamanya mereka yang tinggal di kawasan Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung dan flat-flat sekitar bukit Sentosa?
- b) Adakah Kerajaan mempunyai peruntukan untuk bajet tersebut pada tahun hadapan?

**JAWAPAN:**

- a) MDHS melalui unit COB MDHS akan sentiasa membantu Pihak Pengurusan Bangunan Bertingkat (JMB) bagi mempertingkatkan kemudahan infrastruktur sekiranya keperluan tersebut ada asas untuk dipohon supaya ditambah baik dari keadaan asal. MDHS akan sentiasa usaha memajukan permohonan daripada pihak JMB ke peringkat Kementerian KPKT atau Lembaga Perumahan Hartanah (LPHS) Negeri Selangor bagi tujuan mendapatkan bantuan dan peruntukan kewangan bagi menaiktaraf infrastruktur yang sesuai.
- b) Sebanyak RM100 ribu telah diperuntukan bagi tahun 2020 untuk membantu penduduk strata kepada program pembersihan dan pembaikan harta bersama secara kecil – kecilan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM**  
**(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : CASHLESS SOCIETY SMART SELANGOR**

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kemajuan pelaksanaan Program Cashless Society Smart Selangor dan apakah sasaran Kerajaan Negeri dalam tempoh 3 tahun pelaksanaannya?

**JAWAPAN:**

- a) Program Cashless Society Smart Selangor bertujuan membangunkan ekosistem ekonomi digital Negeri Selangor, yang merangkumi beberapa komponen untuk kemudahan pembayaran perkhidmatan berbayar Kerajaan Negeri Selangor, iaitu:
- Aplikasi Citizen Electronic Payment (CEPat) - satu aplikasi pintar untuk perkhidmatan berbayar Kerajaan negeri yang pada ketika ini menyediakan kemudahan pembayaran perkhidmatan permohonan lesen, kompaun dan cukai taksiran untuk Majlis Daerah Hulu Selangor, Majlis Daerah Kuala Selangor dan Majlis Perbandaran Kajang
  - Portal Smart Selangor - portal setempat (untuk CEPat) yang turut menyediakan kemudahan pembayaran perkhidmatan seperti di atas
  - Smart kiosk - bakal memperkenalkan penyediaan kiosk pintar tanpa tunai untuk pembayaran perkhidmatan Kerajaan yang membenarkan pembayaran menerusi kad kredit dan kad debit
  - FassTap - Mod pembayaran alternatif untuk pembayaran perkhidmatan berasaskan kad debit atau kod QR menerusi *smartphone* bagi menggalakkan *micro-transactions*

Di samping itu, Kerajaan Negeri menggalakkan penggunaan e-wallet di bazaar-bazaar Ramadhan di Negeri Selangor pada tahun 2018 dan 2019. Untuk bazaar Ramadhan tahun 2019, sejumlah 4,000 peniaga telah menggunakan kaedah pembayaran e-wallet dengan nilai transaksi berjumlah RM 80,000.

SSDU mensasarkan kesemua perkhidmatan berbayar untuk Kerajaan Negeri Selangor diwujudkan dalam aplikasi CEPat pada tahun 2023.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN LAI WAI CHONG**  
**(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM DI NEGERI SELANGOR**

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kos pelupusan sisa yang ditanggung oleh setiap pihak berkuasa tempatan?

**JAWAPAN:**

- a) Secara dasarnya pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang berkualiti adalah memerlukan perbelanjaan yang besar dan sukar dikurangkan lebih-lebih lagi PBT Negeri Selangor telah menerima pertumbuhan bandar yang pesat, pertumbuhan kawasan perumahan yang tinggi, penambahan bilangan penduduk, penggunaan teknologi baru dalam pengurusan sampah dan peningkatan kos operasi sejajar dengan pertumbuhan ekonomi.

Walau bagaimanapun, usaha untuk mengurangkan kos pelupusan sampah boleh dicapai melalui pengurangan jumlah sampah yang dihasilkan dan dihantar ke tapak pelupusan sampah di mana secara tidak langsung ia boleh mengawal kos pelupusan sampah oleh PBT. Sehubungan dengan itu, kaedah terbaik dalam mengurangkan sampah adalah melalui program pengasingan sisa pepejal di peringkat punca dan menggiatkan program kesedaran kitar semula supaya program ini dapat dilaksanakan. Oleh itu, Kerajaan Negeri amat menggalakkan PBT supaya memperhebatkan lagi aktiviti-aktiviti yang berasaskan kitar semula antaranya seperti:-

- 1) Melaksanakan kempen kesedaran berkenaan pengasingan sisa dan memperkenalkan sistem pengasingan sisa isi rumah di peringkat komuniti penduduk;
- 2) Menjalankan aktiviti kitar semula dengan mengadakan program 3R (Reduce, Reuse and Recycle) di peringkat sekolah rendah, menengah dan peringkat dalaman PBT;
- 3) Program kitar semula pakaian terpakai;

- 4) Program kitar semula e-Waste;
- 5) Menyediakan kemudahan pusat kitar semula dan tong pengumpulan bahan kitar semula berpusat;
- 6) Memperkenalkan sistem kutipan bahan kitar semula secara terus dari rumah penduduk; dan
- 7) Program pengkomposan sisa yang dihasilkan dari sisa medan selera / premis makanan.

Selain itu, bagi pelan jangka panjang dalam pelupusan sampah di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Worldwide Holdings Berhad (WHB) akan melaksanakan *Integrated Solid Waste Management Centre (ISWMC)*. Justeru, sebuah Loji *Waste to Energy (WTE)* akan dibangunkan oleh WHB. Dengan adanya Teknologi ini, sisa pepejal yang dihasilkan di Negeri Selangor bukan hanya dilupuskan, tetapi juga akan menjadi sumber kepada tenaga elektrik, penghasilan baja, kutipan barang kitar semula dan lain-lain yang dapat menambah nilai kepada aktiviti ekonomi Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : KEDUDUKAN SEBENAR PERMATANG KUARTZA SEBAGAI TAPAK  
WARISAN DUNIA UNESCO**

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kerajaan pernah menyatakan permohonan Tapak Warisan Dunia UNESCO tidak diteruskan kerana tidak mencukupi syarat. Terkini, dinyatakan jajaran baru ECRL tidak akan melalui kawasan sensitif iaitu Permatang Kuartza yang dirancang dinobatkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Mana satu yang betul?

**JAWAPAN:**

- a) Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

**PKGS Sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO**

Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) bukan satu-satunya permatang kuarza yang terdapat di dunia. Terdapat lain-lain kuarza seperti di negara Kanada, India, Perancis, Jerman, Scotland dan Rusia. Apa yang menarik berkaitan dengan PKGS adalah keunikan dan keindahan landskap yang terbentuk dari permatang kuarza itu sendiri serta merupakan mineral kuarza (terdedah di permukaan) yang terpanjang di Malaysia. Dalam masa yang sama, PKGS dilihat menerima impak dari tekanan pembangunan yang tinggi dari kawasan sekitar sehingga mengakibatkan keaslian tapak PKGS semakin terjejas dan bagaimana kerajaan berusaha untuk memelihara keaslian tapak tersebut.

Bagi menyatakan hasrat awal untuk menjadikan PKGS sebagai tapak Warisan Dunia UNESCO, Jabatan Warisan Negara (JWN) telah mengemukakan *Tentative List* bagi PKGS pada 31 Januari 2017 kepada pihak Urus Setia UNESCO. Bagi tujuan tersebut, **penyediaan dossier** (satu dokumen yang mengandungi kompilasi dokumen-dokumen dan peta-peta yang komprehensif tentang sesuatu tapak) yang mengikut garis panduan UNESCO adalah menjadi keperluan sebelum sesuatu tapak itu diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

PLANMalaysia@Selangor juga telah melantik Pasukan Pakar bagi **menyediakan dossier** pencalonan PKGS sebagai tapak warisan dunia . Pasukan Pakar ini terdiri daripada mereka yang telah terlibat secara langsung di dalam pencalonan beberapa tapak warisan dunia di Malaysia, antaranya Tapak Warisan Dunia

UNESCO Melaka dan George Town, Tapak Arkeologi Lembah Bujang, Langkawi UNESCO Global Geopark, Jerai Geopark dan Lembah Kinta Geopark (Lampiran 1).

Untuk makluman Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Bagi pengiktirafan Tapak Warisan Dunia UNESCO, PKGS perlu memenuhi salah satu dari 10 kriteria terpilih untuk menentusahkan sesuatu kawasan itu sebagai *property* senarai Warisan Dunia berdasarkan *dokumen Operational Guidelines for the Implementation of the World Heritage* oleh UNESCO. **10 kriteria** tersebut adalah seperti berikut:

- i) mewakili karya kreatif manusia;
- ii) menonjolkan kepentingan perubahan dalam nilai kemanusiaan, dalam sesuatu jangkamasa atau di dalam ruang lingkup budaya sedunia, dalam perkembangan seni bina atau teknologi, kesenian monumen, perancangan bandar dan rekabentuk lanskap;
- iii) mengandungi keunikan atau pengaruh yang kuat terhadap tradisi budaya atau mempengaruhi peradaban yang masih kekal atau yang telah hilang;
- iv) menjadi contoh yang baik terhadap jenis-jenis bangunan, mengemukakan gaya senibina dan perkembangan teknologi atau lanskap yang menonjolkan peringkat signifikan dalam sejarah manusia;
- v) menjadi contoh yang baik terhadap petempatan tradisional manusia, gunatanah atau laut yang menonjolkan budaya atau perhubungan manusia dengan alam sekitar terutamanya apabila ia terdedah kepada perubahan yang kekal;
- vi) secara langsung atau yang jelas dikaitkan dengan peristiwa atau tradisi hidup, dengan idea-idea, atau dengan kepercayaan, dengan karya-karya seni dan sastera kepentingan sejahtera yang menonjol (Jawatankuasa berpendapat bahawa kriteria ini sebaik-baiknya perlu digunakan bersama-sama dengan kriteria lain);
- vii) mengandungi fenomena semula jadi superlatif atau bidang kecantikan semula jadi yang luar biasa dan kepentingan estetik;

- viii) untuk menjadi contoh luar biasa yang mewakili tahap utama sejarah bumi, termasuk rekod kehidupan, berkepentingan ke atas proses geologi yang sedang berjalan dalam pembangunan landforms atau geomorphic penting atau ciri-ciri fisiografi;
- ix) untuk menjadi contoh luar biasa yang menunjukkan secara berterusan kepentingan proses ekologi dan biologi dalam evolusi dan pembangunan air daratan, air semulajadi, ekosistem persisiran pantai dan marin serta komuniti tumbuhan dan haiwan; dan
- x) mengandungi habitat semula jadi yang paling penting dan signifikan untuk pemuliharaan in-situ kepelbagaian biologi, termasuk spesies terancam yang mengandungi nilai sejagat yang menonjol dari sudut pandangan sains atau pemuliharaan.

Kriteria yang dicadangkan dalam dokumen pencalonan World Heritage Tentative List untuk tapak PKGS adalah di bawah **kriteria vii** dan **kriteria viii** seperti berikut:

**Kriteria vii:** mengandungi fenomena **semula jadi superlatif** atau **bidang kecantikan semula jadi yang luar biasa dan kepentingan estetik; dan**

**Kriteria viii:** untuk menjadi contoh luar biasa yang mewakili tahap utama sejarah bumi, termasuk rekod kehidupan, berkepentingan ke atas proses geologi yang sedang berjalan dalam pembangunan *landforms* atau *geomorphic* penting atau ciri-ciri fisiografi.

Berdasarkan kepada penemuan, pengalaman dan kriteria yang ditetapkan, pasukan pakar mendapati bahawa **PKGS masih belum bersedia** untuk di calonkan sebagai tapak warisan dunia kerana:

- i. Nilai estetik PKGS adalah **tidak terlalu luar biasa** (superlative) jika dibandingkan dengan tapak-tapak lain yang turut menggunakan **kriteria vii** seperti Monarch Butterfly Biosphere Reserve (Mexico), Kilimanjaro National Park (Tanzania) dan Jiuzhaigou Valley Scenic and Historic Interest Area, China.
- ii. PKGS mempunyai data tentang rekod sejarah pembentukan bumi yang sangat penting (fakta geologi), namun, kajian saintifik, penyelidikan,

penerbitan dan sumber rujukan serta maklumat yang khusus berkenaan kuarza di PKGS **masih terlalu terhad**.

- iii. Aktiviti rekreasi di luar kawalan seperti pakej-pakej rekreasi (hiking) yang ditawarkan melalui internet secara tidak sah boleh merosakkan integriti tapak PKGS.
- iv. *Conservation Management Plan* (CMP) perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) tahun sebelum sesuatu tapak dicalonkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Memandangkan wujudnya kekangan PKGS sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO tersebut, Pasukan Pakar telah mencadangkan supaya **PKGS dijadikan salah satu geosites** bagi pembangunan Geopark di negeri Selangor.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

### **Geopark Gombak-Hulu Langat Selangor**

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 6/2019 yang diadakan pada 27 Februari 2019 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 7/2019 pada 13 Mac 2019 telah **menimbang dan bersetuju** perkara-perkara berikut, antaranya:

- i. Mengambil maklum hasil penemuan Kajian Dossier PKGS sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO; dan
- ii. Meluluskan cadangan PKGS sebagai sebahagian Tapak Geopark Kebangsaan sebelum dicalonkan sebagai Tapak UNESCO Global Geopark.

Kerajaan Negeri melalui PLANMalaysia@Selangor (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor) sedang menjalankan kajian **Geopark Gombak-Hulu Langat Selangor** di mana kajian ini akan **mengenalpasti potensi dan kekuatan tapak-tapak warisan berunsurkan geologi** yang terdapat di daerah Gombak dan Hulu Langat sebagai aset warisan negeri Selangor dan untuk memastikannya terus terpelihara (Lampiran 2).

Pemilihan Daerah Gombak dan Hulu Langat sebagai tapak geopark adalah berdasarkan:

- i. Keputusan mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Geopark Kebangsaan Bil./9/2016 pada 23 Februari 2016 yang telah menyenaraikan Geopark

Gombak-Hulu Langat Selangor sebagai salah satu daripada 20 Geopark yang berpotensi untuk diiktiraf sebagai Geopark kebangsaan di Malaysia.

- ii. Laporan Kemajuan Pemetaan Sumber Warisan Geologi di Selangor/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah disediakan oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) pada tahun 2000 yang melaporkan terdapat beberapa tapak dalam daerah Gombak dan Hulu Langat berpotensi sebagai geotapak dalam pembentukan Geopark Gombak-Hulu Langat Selangor.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

**Jajaran ERCL Terbaru**

Setelah mengambilkira tentang kepentingan PKGS melalui beberapa rundingan Kerajaan Negeri bersama pihak yang terlibat, pihak Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. telah membuat pembentangan projek Jajaran terbaru ECRL (Projek Laluan Rel Pantai Timur) di **Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES)** untuk makluman pihak Kerajaan Negeri pada **11 Julai 2019**. Justeru itu, pada **23 September 2019** pihak Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. juga telah membentangkan Jajaran terbaru ECRL di PLANmalaysia@Selangor (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor).

Untuk makluman, jajaran ECRL (Projek Laluan Rel Pantai Timur) yang terdahulu pernah dicadangkan untuk merentasi kawasan PKGS di Daerah Gombak. Walau bagaimanapun, berdasarkan pembentangan daripada Malaysia Rail Link Sdn. cadangan jajaran terbaru ECRL **tidak lagi merentasi Daerah Gombak**. Cadangan jajaran ECRL yang terbaru hanya melibatkan empat (4) daerah iaitu Hulu Langat, Sepang, Kuala Langat dan Klang yang akan merentasi di Negeri Selangor dalam anggaran lebih kurang 50 kilometer. Dengan itu, adalah jelas bahawa laluan ini tidak lagi merentasi PKGS di Daerah Gombak. Oleh itu hasrat negeri untuk memelihara tapak PKGS dapat dikekalkan dan boleh dimartabatkan sebagai tapak Geopark.

Kesimpulannya, walau di mana tapak PKGS berada di Tapak Geopark UNESCO atau Tapak Warisan Geopark Kebangsaan pihak Kerajaan Negeri akan memastikan ia **tetap akan terpelihara**. Ini menunjukkan komitmen yang tinggi oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan PKGS sebagai warisan negeri terus dipelihara dan dinikmati oleh generasi yang akan datang.

**Lampiran 1**

**SENARAI PASUKAN PAKAR YANG TERLIBAT DALAM  
PENYEDIAAN DOSSIER PKGS 2018**

<b>Bil</b>	<b>Nama</b>	<b>Penglibatan</b>
1.	Datin Paduka Dato' Profesor Emeritus Siti Zuraina binti Abdul Majeed	Tapak Warisan Dunia (UNESCO) <ul style="list-style-type: none"><li>• Bandar Bersejarah Di Selat Melaka (Melaka-George Town, 2008)</li><li>• Tapak Arkeologi Lembah Bujang (2012)</li></ul>
2.	Prof. Emeritus Dato'Abdul Latif bin Mohamad	Tapak Warisan Geopark (UNESCO) <ul style="list-style-type: none"><li>• Langkawai UNESCO Global Geopark (2006)</li></ul>
3.	Prof. Dr. Mohd Shafee'a bin Leman	Tapak Warisan Geopark (UNESCO) <ul style="list-style-type: none"><li>• Langkawai UNESCO Global Geopark (2006)</li><li>• Jerai Geopark (2017)</li><li>• Lembah Kinta Geopark (2018)</li></ul>

**CADANGAN SENARAI GEOSITES  
GEOPARK GOMBAK-HULU LANGAT SELANGOR**

<b>Bil</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</b>			<b>Pejabat Tanah dan Daerah</b>	
		<b>MPS</b>	<b>MPA J</b>	<b>MPKj</b>	<b>PTD G</b>	<b>PTD HL</b>
1.	Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS)	√	√		√	
2.	Taman Rimba Templer	√			√	
3.	Bukit Takun & Bukit Anak Takun	√			√	
4.	Taman Rimba Kanching	√			√	
5.	Taman Rimba Komanwel	√			√	
6.	Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM)	√			√	
7.	Pusat Kawalan Kusta Negara	√			√	
8.	Bukit Lagong/ Hutan Simpan Bukit Lagong	√			√	
9.	Lombong Arang Batu, Batu Arang	√			√	
10.	Air Panas Selayang				√	
11.	Air Panas Gombak		√		√	
12.	Empangan Klang Gate		√		√	
13.	Kuarza Tekali			√		√

Bil	Lokasi	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)			Pejabat Tanah dan Daerah	
		MPS	MPA J	MPKj	PTD G	PTD HL
14.	Air Terjun Sungai Gabai			✓		✓
15.	Sungai Pangsun			✓		✓
16.	Gunung Nuang			✓		✓
17.	Air Panas Dusun Tua			✓		✓
18.	Bukit Broga			✓		✓
19.	Air Panas Semenyih			✓		✓
20.	Air Terjun Sungai Serai			✓		✓
21.	Air Terjun Sungai Tekala			✓		✓
22.	Empangan Semenyih			✓		✓
23.	Empangan Sungai Langat			✓		✓

(Nota: Bilangan geosites akan bertambah atau berkurang mengikut analisis dan penemuan dalam kajian **Geopark Gombak-Hulu Langat Selangor**)